



TIADA RAHSIA LAGI LANGGAM BAHASA YANG PELBAGAI

T tiada Rahsia Lagi menghimpunkan 20 buah cerpen Ahmad J. Husein yang ditulis rentang masa antara tahun 1986 hingga 2012, iaitu sepanjang 26 tahun. *Tiada Rahsia Lagi* juga membawa pelbagai tema dan cerpen yang dimuatkan dalam naskhah ini telah pernah disiarkan di akhbar dan beberapa majalah arus perdana. Ahmad J. Husein merupakan pemenang Hadiah Cerpen Esso-Gapena tahun 1981 dan 1986, Hadiah Sastera Utusan-Public Bank tahun 1986, 1987, 1989 dan 2003, Hadiah Sastera Berunsur Islam pada tahun 1990 dan 1992. Beliau telah menghasilkan empat buah kumpulan cerpen dan banyak lagi antologi bersama penulis lain. Selain cerpen, beliau juga menulis puisi, rencana serta kritikan sastera.

SANDARAN TEORI

Makalah ini akan memberikan fokus kepada kritikan apresiasi pembaca yang juga mungkin akan mengutip perkara-pucuk puitika sastera Melayu, *taabudiyiyah*, feminis serta cabang kajian linguistik lain secara umum. Teori ini menjadi pilihan kerana seperti bahasa yang sentiasa berkembang mengikut zaman, pemaknaan dan apresiasi teks sastera juga sentiasa berlainan mengikut individu pembaca. Dengan ini makna dan estetika daripada apresiasi teks menjadi lebih luas, pelbagai dan sentiasa hidup selagi manusia hidup di atas muka bumi Tuhan. Oleh sebab Ahmad J. Husein

ialah cerpenis dan penyair, tentulah cara ekspresi linguistik cerpenya menjadi unik, khas dan mungkin ada cara tersendiri.

GAYA EKSPRESI LINGUISTIK

Gaya ekspresi linguistik dalam penulisan kreatif boleh dikaji menerusi ciri-ciri diksi atau pilihan bahasa, tingkat bahasa, alat susastera, tujuan retorik, dedikasi, dan sebagainya. Dalam teori tradisional retorik, terdapat tiga peringkat klasifikasi gaya, iaitu gaya tinggi, pertengahan dan rendah. Penulis menggunakan doktrin ketertiban untuk memastikan peringkat gaya yang bersesuaian dengan kelas sosial pembaca. Menurut MacGregor (2011), sosiolinguistik berkisar tentang bahasa dalam konteks sosial, iaitu hubungan antara bahasa dengan masyarakat. Sosiolinguistik menjelajah kepelbagaian penggunaan bahasa berkaitan dengan fenomena sosial seperti sasaran kumpulan sosial dan asal usul kumpulan sosial si penutur. Sosiolinguistik juga mengkaji kepelbagaian bahasa, pilihan bahasa, sikap terhadap bahasa, variasi bahasa, bahasa piawai dan bahasa tidak piawai.


Manusia menyesuaikan pilihan gaya bahasa dan tingkat bahasa sesuai dengan konteks sosialnya dan dengan siapa dia berhubung. Sebagai contoh jika di tempat kerja, cara seseorang bertutur dengan rakan sekerja dan dengan ketua adalah berbeza. Seseorang mungkin menggunakan bahasa biasa dengan rakan sekerja, tetapi menukar kepada bahasa lebih piawai apabila bertutur dengan ketuanya. Di rumah pula, cara suami bertutur dengan isteri adalah berbeza daripada cara bapa bertutur dengan anak perempuan. Seorang suami mungkin bertutur dengan akrab bersama-sama isteri, tetapi sebagai bapa, dia bersikap lebih tegas apabila bertutur dengan anak perempuannya.

Kecenderungan bertukar kod ini berlaku hampir dalam semua konteks sosial secara automatik hingga tidak

disedari. Kecenderungan ini juga akan berlaku apabila penulis menulis karya kreatif. Kebanyakan karya akan ditulis dengan bahasa yang berbunga-bunga, melankolik, sarat simbolik, kaya metafora, samar, mudah (merakyt), sinis, sarkastik, dan sebagainya. Hal yang demikian ini bergantung pada sasaran karya itu ditujukan. Jika penulis mendedikasikan kepada kekasih, mungkin sahaja penulis akan memilih bahasa berbunga-bunga. Selanjutnya, apabila penulis mendedikasikan kepada ibunya, pasti pilihan kata dan tingkat bahasanya tidak menyamai seperti yang ditulis kepada kekasihnya.

Menurut Holmes (2008), "apabila manusia bertutur antara satu dengan yang lain percakapan mereka menjadi hampir seragam. Dalam kata lain, setiap orang cuba menyamakan pertuturannya dengan orang lain. Proses ini dipanggil akomodasi pertuturan ...". Sebagai contoh apabila seseorang dewasa bertutur dengan kanak-kanak kecil, orang dewasa akan cuba meniru pertuturan kanak-kanak agar lebih diterima dan difahami. Penutur juga akan cuba sedaya upaya memberikan akomodasi kepada dialek orang lain yang bertutur dengannya dengan hasrat agar komunikasi lebih difahami.

Dalam cerpen "Mek Nak Baca Yasin" (1986) penulis menulis dengan tingkat bahasa yang agak sederhana dan menggunakan alat susastera secara sederhana juga. Walaupun teksnya tidak berdiri kukuh sebagai karya yang diekspresikan secara visual, namun cara yang digunakan sesuai dan mencukupi. Cerita ini ditulis agak deskriptif, namun terdapat eksplorasi ke arah ekspresi visual dengan bantuan alat susastera utama seperti personifikasi dan simile. Personifikasi dapat dikenal pasti melalui petikan, "Telinga Mek dapat menyambar bunyi motosikal ayah menderam memecah kesepian malam yang sudah pukul 8.00" (hlm. 4). "Suara Mek begitu sayu, mencarikkan ketenangan malam dengan melagukan ayat-ayat suci itu" (hlm.15).



Selanjutnya, perbandingan simile diperlihatkan oleh pengarang melalui petikan, "Matanya sudah bengkok macam telur ayam" (hlm. 8).

Gaya bahasa lain yang terdapat dalam *Tiada Rahsia Lagi* ini ialah pengulangan awal dan tengah (anafora dan mesodiptosis) yang merupakan pengukuhan frasa. Ahmad J. Husein menulis "Mek tahu itu. Tahu sungguh-sungguh" (hlm.1). Dialek setempat juga yang merupakan salah satu gaya ekspresi judul ini seperti "Tubuh Mek seram sejuk tak tentu hala" (hlm. 2) berjaya menyampaikan situasi kegelabahan Mek pada ketika itu. Cerpen ini berjaya sebagai cerpen yang ditulis dengan baik. Pada masa cerpen ini ditulis (1986), dengan pengalaman selama 12 tahun menulis, Ahmad J. Husein telah berjaya menemui ekspresi yang sesuai dengan tema dan audiens sasaran.

Dalam cerpen "Berubah" (1990) Ahmad J. Husein dilihat semakin selesa menggunakan alat susastera dan berjaya menjadikannya sebagai karya yang diekspresikan secara visual dan indah pula. Petikan yang berikut ini dapat membuktikan:

"Di lorong suram ini, tiada apa-apa yang indah lagi. Semuanya sudah dimamah waktu. Pohon-pohon di sini juga sesetengahnya sudah meranggas memamerkan ranting-rantingnya yang gondol, sepi dalam kesuraman petang yang kering kontang" (hlm. 16).

Penggunaan simbol pohon, ranting, petang, personifikasi serta pengulangan bunyi ketika memvisualkan latar dan suasana hati terbaca begitu berkesan. Ahmad J. Husein juga selesa menggunakan metafora dalam karyanya:

"Aku berdiri keseorangan di lorong kenangan ini, Som. Aku berdiri di sini tanpa kau, tanpa Jenah, tanpa Nawi, tanpa Mihat Pom, tanpa Chah, tanpa Zemar dan tanpa Jihad" (hlm. 17).

Petikan ini memamerkan penggunaan metafora "lorong kenangan" pada tahun 1990 yang dianggapkan masih lagi termasuk dalam kategori metafora segar dan indah.

Namun, gaya yang paling menonjol dan berkesan ialah pengulangan awal (anafora) "tanpa" diikuti dengan nama sahabat lama yang sengaja disebut satu persatu bagi memberikan kesan kesepian dan rindu dendam yang teramat sangat. Dan, gaya ini memang sangat berkesan. Gaya yang sama terdapat juga pada halaman 23, tatkala watak utama menanyakan ke manakah pergiannya ahli masjid dengan pengulangan "mana" diikuti dengan nama haji-haji yang ponteng sembahyang berjemaah di masjid.

Cerpen "Berubah" juga menggunakan simile yang berkesan ketika memvisualkan perwatakan seperti dalam petikan, "Rambutmu masih harum dan lembut persis sutera" (hlm. 16), "Apabila tersentuh kulitmu, terasa seperti baldi yang halus sekali" (hlm.18) dan "Bibirmu cantik dan sering kelihatan basah seperti seulas limau yang manis" (hlm. 18). Cerpen ini juga terdapat penggunaan simile yang berkesan ketika mencitrakan latar dan situasi, "Mereka ingin bersenang-lenang menonton cerita. Lalu, masjid dan surau menjadi sepi macam di dalam kubur" (hlm. 19). Dalam cerpen ini juga terdapat penggunaan peribahasa klasik yang sering digunakan sepanjang zaman, iaitu "sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya terjatuh juga ke tanah" (hlm. 25). Gaya ekspresi linguistik sebegini agak tinggi dan lebih sesuai dengan audiens akhir arus perdana seperti *Berita Minggu*.

Cerpen "Sebelum Berangkat" (1989), "Embun Hidayah Berguguran" (1991), "Seorang Novelis" (1993), "Kekacauan" (1995) dan "Kekusutan" (2004) merupakan fiksyen autobiografi Ahmad J. Husein yang berinterteks sesama sendiri pada tema, persoalan, amanat dan gaya. Maka penulisannya lancar walaupun membawa

tema dan mesej yang berat, iaitu tentang dunia penulis dan penulisan. Ahmad J. Husein sangat selesa membuat kritikan sosial kepada penulis dan pengkritik sastera. Gaya dan tingkat bahasa yang digunakan bersesuaian dengan tujuan teks ditulis serta sasaran pembacanya. Beberapa nama termasuklah dalam kalangan sasterawan negara dijadikan "tokoh ternama sebagai watak yang dikenali" (*roman a clef*). Pada pendapat penulis lima judul cerpen yang berinterteks sesama sendiri pada tema, persoalan, amanat dan gaya di dalam satu naskhah lebih daripada mencukupi.

"Tiada Rahsia Lagi" (2006) merupakan cerpen yang diangkat sebagai judul naskhah ini, namun ditulis dengan gaya yang agak berbeza daripada yang lain. Tingkat bahasa kelihatan sederhana, namun jika diperhatikan "Tiada Rahsia Lagi" mempunyai polimaknya. Gaya pengulangan tetap berkesan ketika membuat pengukuhan kenyataan seperti:

"Mungkin orang Kampung Jubai sudah tahu. Mungkin orang Kampung Bikan sudah tahu. Mungkin orang Kampung Ulu Tawar sudah tahu. Mungkin orang Kampung Jernang sudah tahu. Mungkin orang Kampung Ulu Baka sudah tahu. Mungkin orang Kampung Bangsul Berangan sudah tahu" (hlm. 206).

Namun, pengulangan daripada ketiga-tiga jenis telah digunakan, iaitu anafora, mesodiptosis dan epifora. Kesannya menarik dan berganda juga.

Gaya paradoks (ironi dan kontradiksi) dikesan pada petikan ini, "... dia melihat betapa kehormatannya sedang dipijak-pijak dan ditendang ke dalam longkang oleh masyarakat Kampung Jubai yang kaya dengan sopan santun" (hlm. 206). Gaya ini seperti perlian dan camdik yang mengejutkan dan menghentak perasaan pembaca. Ahmad J. Husein juga menggunakan perlambangan simile yang lebih ekstrem, iaitu seperti petikan, "Pada pandangan isterinya, wajah suaminya murung seperti bapa beruk

BELIAU MENGEKSPLORASI GAYA EKSPRESI TERBAIK DALAM PENULISAN KREATIF, IAITU GAYA MEMPAMER DAN MENCITRA DENGAN DIBANTU PENGGUNAAN ALAT SUSASTERA YANG SESUAI.

kematian bini" (hlm. 207). Gaya bahasa ini bukan sahaja memvisualkan watak dan perwatakan, malah berjaya meletakkan lapis makna kedua di sebalik simile tersebut menjadikan gaya serampang dua mata ini menarik dan berkesan. Menerusi *Tiada Rahsia Lagi* ini juga Ahmad J. Husein mengeksplorasi ekspresi gaya oksimoron seperti petikan "...di Kampung Kuala Nau, sebuah kampung pedalaman yang kaya dengan kepapaan" (hlm. 210). Perlian lembut gaya oksimoron, ibarat tusukan kail yang mencangkuk masuk dan sukar untuk ditarik keluar.

Dalam cerpen "Hati yang Merusuh" (2008), Ahmad J. Husein menggunakan gaya paradoks (ironi dan kontradiksi) dalam petikan, "Aku juga mungkin akan menjadi bahan umpat keji masyarakat Kampung Hulu Jernang yang kaya dengan sopan santun" (hlm. 218). Sekali lagi kontradiksi akan meninggalkan kesan yang indah ke dalam jiwa pembaca. Ahmad J. Husein juga semakin selesa menggunakan metafora seperti dalam petikan, "Ucapan itu tidak pernah luput daripada mata ingatanku yang selalu berputar. Wajah lembut Ustazah Siti Hajar sering bermain di layar mataku" (hlm. 222). Simile ekstrem sekali lagi timbul

menerusi petikan, "sebesar tapak tangan beruk" (hlm. 222) sebagai perumpamaan kain tudung kepala yang dipakai oleh kebanyakan wanita. Makna pada lapis pertama ialah betapa kecilnya kain tudung tersebut hingga tidak sempurna penutupan aurat. Makna pada lapis kedua pula ialah perangi seperti beruk yang tidak langsung bertudung.

Gaya ekspresi terbaik dalam penulisan kreatif adalah untuk mempamer dan mencitra bukan sekadar memberitahu dan menjelaskan. Penggunaan alat susastera dapat membantu Ahmad J. Husein melakukannya. Contoh terbaik gaya mempamerkan dan mencitrakan dalam cerpen "Hati yang Merusuh" ialah "... dan mulutku seperti dihajit dengan tali tangsi sebesar kelengkeng" (hlm. 224). Apabila membaca petikan ini, khalayak dapat menyelami suasana hati watak dengan lebih mendalam kerana dibantu oleh citraan yang berkesan. Bayangkan betapa watak itu terpaksa diam kerana hormat akan ibu yang ingin menahkannya secara paksa dengan orang tua. Jika tiada jahitan tali tangsi sebesar kelengkeng di mulutnya, sudah tentu terzahir bangkangan daripadanya.

KESIMPULAN

Menerusi *Tiada Rahsia Lagi*, Ahmad J. Husein memilih pelbagai gaya dan tingkat bahasa yang bersesuaian dengan tujuan dan dedikasinya. Beliau mengeksplorasi gaya ekspresi terbaik dalam penulisan kreatif, iaitu gaya mempamer dan mencitra dengan dibantu penggunaan alat susastera yang sesuai. Selanjutnya, gaya ekspresi linguistik Ahmad J. Husein juga berubah-ubah disebabkan faktor masa, kemahiran menulis secara memanfaatkan alat susastera, tujuan retorik, dedikasi dan mungkin juga kematangan peribadi. ■

RUJUKAN

- Ahmad J. Husein, 2014. Kumpulan Cerpen *Tiada Rahsia Lagi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holmes, Janet (2008). *An Introduction to Sociolinguistics*. Pearson Education Limited, England.
- MacGregor William B (2009). *Linguistics - An Introduction*. Continuum International Publishing Group, London & New York.
- Md Salleh Yaapar et al, 2015. *Kamus Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.